

PEMBINAAN &
PERMODELAN
SISTEM
PENGAJARAN

ROSSENI DIN

ABSTRAK

Buku ini disusun dengan pola pembahasan yang mudah dan ringan. Justeru, buku ini sesuai untuk semua pelajar dan penyelidik yang ingin membangunkan sebarang sistem, modul, bahan pembelajaran dan seumpamanya sehingga boleh memperoleh data empirikal dan model kajian. Model kajian boleh dibina dari data yang dikutip terus dari responden kajian. Bab 1 memperkenalkan satu model reka bentuk pembangunan yang telah ditambah baik dari semasa ke semasa hasil gabungan pelbagai model dari luar dan dalam negara. Model ini telah diguna pakai di Universiti Kebangsaan Malaysia selama lebih dari satu dekad bagi membangunkan pelbagai media pengajaran dan pembelajaran khususnya yang berasaskan teknologi. Bab 2 menerangkan secara terperinci proses utama dalam setiap fasa pembangunan media. Bab ini mempersembahkan cara penulisan laporan dalam bentuk tesis. Setiap dapatan atau output bagi setiap fasa pembangunan dijelaskan tentang bagaimana dan di mana perlu dilaporkan. Perbincangan akan menjelaskan tentang dapatan yang harus dilaporkan sama ada dalam Bab 1 (Analisis dan Permasalahan Kajian), Bab 3 (Metodologi Kajian) atau Bab 4 (Dapatan Kajian). Bab 3 memperkenalkan Model Pengukuran sebelum memperkenalkan Permodelan Persamaan Struktur dalam Bab 4. Bab-bab ini dijelaskan secara padat, ringkas dan mudah. Bab 3 dimulakan dengan penerangan mengenai cara membina model pengukuran bagi membolehkan pengkaji membina instrumen pengukuran yang jitu, sah lagi boleh dipercayai. Instrumen yang baik akan membantu penyelidik mengutip data yang berguna dan memudahkan pengkaji membina model kajian sebagai satu sumbangan yang berguna lagi bermanfaat.